

Ku Li akui 'tersepit' buat keputusan

BH 29 JAN 2000

GUA MUSANG, Jumaat - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, mengaku ada Umno bahagian menyuarakan hasrat untuk mencalonkan beliau merebut jawatan penting parti pada pemilihan Umno, Mei ini.

Bagaimanapun, katanya, beliau masih 'tersepit' untuk membuat keputusan berikutan ketetapan Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini yang mahu jawatan Presiden dan timbalan presiden parti tidak dipertandingkan.

Menurutnya, beliau akur keputusan itu, tetapi pada masa sama masih meneliti kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memberi ruang sepenuhnya kepada Umno bahagian jika mahu mengemukakan pencalonan bagi bertanding merebut jawatan terbabit.

"Perkara ini yang saya sedang fikirkan. Saya seolah-olah tersepit antara kedua-dua kenyataan itu, tetapi saya akan kaji secara mendalam sebelum membuat sebarang keputusan.

"Saya juga berasa janggal untuk membuat penjelasan kepada ahli Umno berhubung perkara itu kerana usul MT tidak selari dengan kenyataan Dr Mahathir," katanya menghadiri perjum-

paan dengan ahli Umno cabang dan bahagian Gua Musang di Bukit Chekati dekat sini, petang semalam.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno bahagian Gua Musang berkata, banyak perkara perlu diteliti sebelum beliau menerima tawaran pencalonan kerana ia memerlukan sokongan dan pandangan ahli parti.

Justeru, beliau meminta ahli Umno di semua peringkat bertenang dalam menghadapi keadaan itu sebelum keputusan lanjut dilakukan.

"Sebarang keputusan berhubung pencalonan saya untuk apa jawatan sekalipun perlu dilakukan dengan teratur beserta penyelesaian tepat bagi mengelak kekeliruan yang boleh mencetuskan keresahan di kalangan ahli Umno," katanya.

Selain itu, Tengku Razaleigh juga mahu ahli Umno mengambil kira pelbagai pandangan supaya kekuatan perjuangan parti dapat dipertahankan demi masa depan kaum Melayu.

"Kita tengok dahulu sejauh mana perkembangan selepas ini, baru saya buat keputusan. Sekarang saya belum menyatakan sama ada menolak atau menerima pencalonan bagi merebut sebarang jawatan dalam parti," katanya.